



MENGHAYATI KEUNIKAN PELBAGAI SPESIES BURUNG



Oleh Rasfan Abu Bakar

Pasti ramai yang rindu akan kicauan burung, apatah lagi bagi mereka yang berada jauh dari kampung. Sememangnya kicauan burung dapat dijadikan sebagai terapi bagi sesetengah orang yang inginkan kedamaian alam semula jadi. Oleh itu, bagi warga kota Kuala Lumpur yang ingin merasai pengalaman tersebut, ayuhlah ke Taman Burung Kuala Lumpur.

Taman Burung yang terletak berhampiran dengan Tasik Perdana, Kuala Lumpur ini merupakan sebuah taman burung yang terbesar di rantau Asia Tenggara yang merangkumi kawasan lembah menghijau seluas 8.5 hektar. Di sini para penggemar burung berpeluang memerhatikan lebih kurang 3000 ekor burung daripada 200 spesies berterbangan bebas di dalam taman yang suasananya hampir semula jadi.

Deruan air terjun buatan yang hampir ada di setiap sudut di sini juga bukan sahaja menjadi tempat untuk unggas alam ini mendapatkan air, bahkan memberikan suasana yang cukup mendamaikan buat pengunjung. Taman ini istimewa kerana berkonsep terbuka, iaitu semua burung berterbangan bebas tanpa rasa takut dan ia juga jinak dan tidak berbahaya kepada pengunjung.

Selain itu, pengunjung turut berkesempatan untuk memberikan makanan kepada beberapa spesies burung yang sangat mesra dengan manusia.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Taman Burung Kuala Lumpur, 60 peratus pengunjungnya dalam kalangan pelancong antarabangsa dan selebihnya pelancong tempatan. Kebanyakan pengunjung taman ini, terutama dari Eropah dan Timur Tengah gemar melihat secara dekat burung enggang atau *hornbill* yang berasal dari Sarawak terutama di kepulauan Borneo.

Taman ini terbahagi kepada empat zon. Zon satu dan dua ialah bahagian untuk burung ini terbang bebas dan hal itu cukup mengujakan pengunjung. Di sini, terdapat spesies burung sekendi merah yang unik dengan keseluruhan badannya berwarna merah. Walaupun hanya seekor burung ini di sini, namun sudah cukup menggembirakan pengunjung. Selain itu, pengunjung juga akan disambut oleh burung daripada spesies *Indian Branch Parakeet* yang nakal.

Bagi penggemar burung flamingo, anda boleh melihat sekawanan burung ini di bahagian tasik buatan yang turut dihiasi dengan air terjun. Ciri istimewa burung flamingo yang berasal dari Afrika ini ialah keupayaannya





Burung kakak tua.



Burung chattering lory.



Burung lorikeet.



Burung cattle egret.

untuk berdiri di atas satu kaki. Warna merah jambu pada bulunya juga disebabkan oleh kandungan Beta Karotena yang diperoleh dari kolam yang didiami.

Terletak bersebelahan dengan kolam Flamingo pula, terdapat sebuah taman rumah burung bulbul. Burung bulbul ialah burung bersaiz sederhana dan suka berkicau. Terdapat kira-kira 130 spesies bulbul yang ada di sini dan kesemuanya unik dengan cara yang berbeza. Selain itu, terdapat juga spesies burung hantu yang antaranya termasuklah *Asian Fairy Bluebird*, *Silver Pheasant* dan *Golden Breasted Starling*.

Zon dua pula ialah kawasan yang dihubungkan dengan jambatan melalui zon satu. Kawasan ini merupakan rumah bagi beberapa ekor burung yang sukar ditemui

seperti burung merpati *Nicobar*, *Baya Weaver* dan *Scarlet Ibis*. Burung terbesar di dunia, iaitu burung unta juga turut ada di sini. Burung unta mempunyai ketinggian sehingga tiga meter dan berat maksimumnya ialah 150 kilogram. Burung ini mempunyai jangka hayat yang mencecah 50 tahun. Burung unta turut mempunyai mata yang lebih besar daripada otak mereka.

Bagi zon yang seterusnya, iaitu zon ketiga, tempat ini menempatkan sebuah taman yang dikenali sebagai Taman Enggang. Kawasan ini sungguh indah dan keadaannya menggambarkan seperti hutan hujan tropika yang sebenar di Malaysia. Taman ini dipenuhi oleh pohon malar hijau yang menjulang tinggi dan ada sebahagian daripadanya mencecah ketinggian seperti bangunan 10 tingkat.

Di sini juga merupakan rumah kepada *Rhinoceros Hornbill* yang hebat, iaitu satu daripada spesies enggang yang terbesar di dunia. Burung jantan ini mempunyai paruh yang melengkung ke atas yang berwarna merah terang dan kuning. Bahagian perutnya berwarna hitam, manakala bahagian bawah perutnya berwarna putih. Ekornya pula berwarna putih yang berselang-seli dengan warna hitam. Bagi burung betina pula, saiz badannya lebih kecil dan warna paruhnya lebih pudar.

Selain itu, terdapat juga spesies burung kecil enggang yang lebih kecil saiznya, iaitu *Oriental Pied Hornbill*. Burung jantan spesies ini mempunyai saiz badan yang agak kecil dan berwarna hitam, serta mempunyai tanda kecil di muka yang berwarna putih. Burung ini

mempunyai paruh yang berwarna kuning pucat dan sedikit berwarna hitam. Bagi burung betina pula, paruhnya lebih kecil dan berwarna hitam. Terdapat satu sesi bagi pengunjung untuk memberikan makanan kepada burung enggang ini, iaitu pada pukul 11.30 pagi pada setiap hari.

Zon empat pula merupakan zon yang terakhir. Di sini terletak pelbagai jenis tarikan seperti Taman Burung Nuri, galeri burung, kolam air terjun serta amfiteater. Taman burung Nuri direka khas untuk menampung 20 jenis burung nuri dan burung kakak tua yang terdiri daripada spesies *Macaws*, *Cockatoos*, *Lories* dan *Parakeets*.

Beberapa ekor burung kakak tua juga ditempatkan dalam pameran individu secara berpasangan sebagai sebahagian daripada program pembiakan. Sementara itu, burung yang lain dibiarkan terbang secara bebas di dalam kawasan ini agar pengunjung berasa lebih dekat dan dapat melihat keletah burung-burung ini.



Burung flamingo.



Burung nuri.

Pengunjung juga berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat beberapa spesies burung nuri yang jarang-jarang ditemui dan terancam seperti *Parrot Pesquet*, yang juga dikenali sebagai *Parrot Vulturine* dan hanya boleh ditemui di Papua New Guinea. Spesies *Moluccan Cockatoo* yang lazimnya didapati di Pulau Seram, Indonesia kini terancam akibat perangkap haram dan kemusnahan habitat. Tidak ketinggalan juga, para pengunjung boleh memberi burung-burung ini makan pada pukul 10.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Setelah puas menjelajah di taman burung yang unik ini, pengunjung bolehlah menjamu selera di Restoran Hornbill bagi mengembalikan tenaga yang sudah digunakan. Jus buah-buahan segar yang diminum segera mengembalikan kesegaran. Keenakan pelbagai jenis hidangan makanan tempatan dan Barat juga membuatkan perut kenyang, sekali gus membuatkan semua pengunjung pulang dengan senyuman. ds